

'Tidak halang negeri bincang bahagi kerusi antara PH, BN'

BH - 25/1/2023 w/s: 6

Pengerusi PH perjelas belum ada perbincangan rasmi berhubung PRN akan datang

Oleh Siti Aminah Mohd Yusof
bhnews@bh.com.my

Bukit Mertajam: Pengerusi Pakatan Harapan (PH), Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata tiada halangan untuk pimpinan peringkat negeri mengadakan perbincangan berhubung pembahagian kerusi antara Pakatan Harapan (PH) dan Barisan Nasional (BN).

Perdana Menteri yang juga Presiden PKR bagaimanapun menjelaskan setakat ini belum ada perbincangan rasmi berhubung perkara itu dalam menjelang persediaan menghadapi Pilihan Raya

Negeri (PRN) di enam negeri akan datang.

"Secara rasmi belum (ada perbincangan) walaupun saya tidak menghalang pimpinan peringkat negeri mengadakan perbincangan tetapi secara rasmi belum.

"Kalau boleh cadang tarikh kepada saya, saya boleh segerakan," katanya ketika ditemui pemberita selepas Majlis Kenduri Rakyat di Galeri Pejuang Cherok Tok Kun di sini, malam kelmarin.

Yang turut hadir, Ketua Menteri Chow Kon Yeow; Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek serta timbalannya, Lim Hui Ying dan Ahli Parlimen Bukit Mertajam merangkap Timbalan Menteri Kewangan, Steven Sim Chee Keong dan veteran DAP, Lim Kit Siang.

Tetapkan tarikh

Anwar ketika diminta mengulas mengenai PAS yang dikatakan akan menetapkan sendiri tarikh sesuai untuk membubarkan Dewan Undangan Negeri (DUN) di tiga negeri ditadbirnya bagi mem-



Anwar bermesra dengan tetamu yang hadir pada Majlis Kenduri Rakyat di Galeri Pejuang Cherok Tok Kun, Bukit Mertajam, kelmarin.

(Foto BERNAMA)

beri laluan kepada PRN itu iaitu Kedah, Kelantan dan Terengganu, menyifatkan ia hak masing-masing.

"Itu hak mereka masing-masing dan dirujuk dengan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) bukan urusan saya.

"Cuma kos mengadakan secara berasingan itu yang akan meningkat," katanya.

Media sebelum ini melaporkan PAS akan menetapkan sendiri tarikh yang sesuai untuk membubarkan DUN bagi memberi laluan kepada PRN di tiga negeri ditadbir parti itu iaitu Kedah, Kelantan dan Terengganu.

Presidennya, Tan Sri Abdul

Hadi Awang berkata, pihaknya akan mengadakan perbincangan pada peringkat kepemimpinan tertinggi Perikatan Nasional (PN) sebelum membuat keputusan mengenai masa yang sesuai diadakan PRN.

Bajet dalam pertimbangan

Dalam perkembangan lain, Anwar mengakui bahawa Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak terpinggir daripada segi penerimaan peruntukan dalam bajet daripada Kerajaan Persekutuan sebelum ini.

Katanya, keluhan pimpinan kerajaan negeri berhubung perkara itu akan mendapat perhatian sewajarnya meskipun terdapat ke-

kangan dalam aspek pendapatan dan perbelanjaan kerajaan.

"Bajet itu dalam pertimbangan saya, walaupun ada kekangan dari segi pendapatan dan perbelanjaan kerana memang benar Pulau Pinang telah ditinggirkan dari segi peruntukan dan sama juga bila saya pergi ke Sabah serta Sarawak memang ada kekurangan besar.

"Peruntukan di Pulau Pinang membabitkan infrastruktur besar manakala Sabah dan Sarawak termasuk prasarana kecil iaitu klinik, hospital, perumahan rakyat, sekolah daif itu yang harus kita beri tumpuan," katanya.